

Ahli Yang Berhormat itu telah menjadi Ahli Dewan yang mulia ini sekian lamanya. Juga dalam masa yang begitu lama, ia telah menjadi salah seorang Ahli Jumaah Menteri yang terkanan sekali. Saya hairan terhadap nada ucapannya mengenai ahli-ahli penyokong Kerajaan. Ia sepatutnya lebih mengetahui dari ahli-ahli yang lain di Dewan ini, tentang tugas, kuasa dan pengaruh ahli-ahli penyokong Kerajaan itu.

Mendakwa bahawa tugas ahli-ahli penyokong Kerajaan di Dewan hanyalah untuk mengundi menyokong sebagaimana diarahkan oleh Kerajaan,